



7 Disember 2020

**Ahli Siswazah/ Calon Ahli Korporat  
Pertubuhan Perancang Malaysia**

**MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS**  
B-01-02, Jalan SS 7/13B, Plaza Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia

Tel : (603) 7877 0636, (603) 7877 0637  
Fax : (603) 7877 9636  
Email : mip@mip.org.my

[www.mip.org.my](http://www.mip.org.my)

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN KEAHLIAN KORPORAT PERTUBUHAN PERANCANG  
MALAYSIA (MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS)  
- *Pemakluman Kelayakan Bagi Temuduga Keahlian Korporat MIP dalam Tempoh  
Peralihan.***

---

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman tuan/puan, Mesyuarat Majlis Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) bilangan lima (5) pada 2 Ogos 2019 telah meluluskan cadangan oleh Jawatankuasa Keahlian bagi memperkenalkan format baru Peringkat 1 dan 2 dalam proses temuduga keahlian Ahli Korporat MIP berkuatkuasa Januari 2021.

3. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Keahlian telah membuat keputusan bahawa dalam tempoh peralihan ini, semua calon-calon ahli korporat yang telah memenuhi syarat-syarat di bawah adalah layak untuk melalui proses temuduga korporat tahap 1 dengan format sedia ada:-

- a) Telah menduduki Kursus Professional LPBM anjuran MIP sebelum 31 Disember 2020;
- b) Telah menduduki Peperiksaan Professional LPBM sebelum 31 Disember 2019;
- c) Telah lulus penuh atau lulus lebih dari satu modul Peperiksaan Professional LPBM;
- d) Bagi pegawai perancang gred J41 ke atas dan ahli akademik gred DS52 atau setara yang layak mendapat pengecualian peperiksaan mengikut syarat-syarat pengecualian Peperiksaan Professional LPBM;
- e) **Menghantar borang keahlian korporat MIP dan logsheet dengan minimum tiga (3) tahun pengalaman sebagai Perancang Bandar serta keperluan CPD sebelum tarikh 31 Disember 2020 dan;**
- f) Menduduki Peperiksaan Professional LPBM yang akan dianjurkan pada bulan Januari 2021 dan lulus kesemua modul.

4. Sekali lagi diingatkan bahawa syarat kelayakan di atas adalah tertakluk kepada calon-calon yang telah pernah menduduki Peperiksaan Professional LPBM dan pegawai-pegawai serta ahli akademik yang telah mendapat pengecualian peperiksaan. Namun bagi calon yang gagal dalam Peperiksaan Professional bulan Januari 2021, tuan/puan adalah tertakluk kepada format baru keahlian korporat iaitu perlu melalui temuduga Peringkat 1 & 2.

5. Bagi calon – calon baru yang telah pernah menduduki Kursus Professional LPBM namun belum pernah menduduki Peperiksaan Professional LPBM, tuan/puan adalah secara automatik perlu melalui proses temuduga Peringkat 1 dan 2.

6. Tuan/puan juga boleh merujuk kepada gambar rajah (diagram) proses di atas dan borang – borang berkaitan di website MIP [www.mip.org.my](http://www.mip.org.my), atau berhubung dengan Sekretariat MIP di talian 03-78770636 untuk penjelasan lanjut berhubung perkara di atas dan status terkini keahlian tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**Datin TPr Hjh Noraida Saludin**  
**Setiausaha Kehormat**  
**Pertubuhan Perancang Malaysia**

Sk. Datin TPr Hjh Mazrina Dato Abdul Khalid,  
Pengerusi Jawatankuasa Keahlian MIP